tekanan susulan pelaksanaan PKP 2.0 juga boleh memberikan tekanan kepada kedudukan mudah tunai sesetengah bank.

Walaupun berdepan dengan cabaran ini, institusi perbankan dijangka kekal berdaya tahan disebabkan oleh penampan mudah tunai yang besar dan amalan pengurusan risiko mudah tunai yang mantap, serta kemajuan yang berterusan dalam mengumpulkan sumber pendanaan jangka panjang yang stabil. Pelanjutan fleksibiliti bagi institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) bagi memenuhi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) hingga 31 Disember 2022 akan turut meningkatkan mudah tunai dalam sistem perbankan bagi menyokong aktiviti pengantaraan kewangan.


Perkembangan Pembaharuan Kadar Penanda Aras di Malaysia

Peralihan daripada LIBOR: Pengubahsuaian Tanda Penunjuk Peralihan Malaysia

Terdapat banyak kemajuan sejak penerbitan pertama tanda penunjuk peralihan Kadar Tawaran Antara Bank London (London Interbank Offered Rate, LIBOR) Bank[3] pada tahun 2020.[4] Bank-bank di Malaysia telah berinteraksi secara proaktif dengan peminjam untuk merundingkan semula penggantian penanda aras dan membangunkan peruntukan sandaran dalam kontrak pinjaman berdasarkan LIBOR sedia ada dalam usaha untuk menguruskan kontrak legasi (*legacy contract*)[5] yang sukar dan mengurangkan risiko undang-undang yang timbul. Bank-bank juga berusaha menambah baik sistem yang diperlukan untuk memastikan kesediaan operasi mereka bagi menyokong produk yang mengambil kira kadar bebas risiko (*risk-free rate*, RFR) alternatif. Usaha ini telah terganggu oleh pandemik COVID-19 di beberapa buah bank, tetapi dijangka dipercepatkan semula pada tahun 2021. Bank-bank di Malaysia yang mempunyai dedahan derivatif yang ketara juga telah mematuhi Protokol Sandaran Kadar Tawaran Antara Bank 2020 ((2020 Interbank Offered Rate, IBOR) Fallbacks Protocol) Persatuan Swap dan Derivatif Antarabangsa (International Swaps and Derivatives Association, ISDA). Pematuhan ini membolehkan peserta pasaran mengubah syarat kontrak derivatif mereka. Dedahan LIBOR industri perbankan Malaysia[6] berjumlah RM963 bilion pada 31 Disember 2020 (Gambar Rajah 2.1).

Produk tunai memberikan cabaran berbeza dalam peralihan kepada RFR disebabkan oleh ketiadaan struktur tempoh berpandangan ke hadapan. Walaupun peminjam lebih mengutamakan kepastian dalam aliran tunai bulanan mereka yang akan datang, kadar sebenar di bawah tunggakan terkompaun dalam tempoh terkumpul

Gambar Rajah 2.1: Dedahan LIBOR Bank-bank Malaysia pada 31 Disember 2020



* Merujuk kepada jumlah nosional
** Terutamanya pemberian pinjaman/peminjaman antara bank dan deposit pelanggan

Nota: Pada peringkat kumpulan perbankan yang disatukan

Sumber: Bank Negara Malaysia


[3] Sebagai sebahagian daripada pembaharuan global kadar faedah penanda aras, LIBOR akan dihentikan dan digantikan dengan kadar bebas risiko (*risk-free rate*, RFR) alternatif.
[4] Rujuk Rencana Maklumat 'Pembaharuan Kadar Penanda Aras: Peralihan daripada LIBOR' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bagi Separuh Kedua 2019 untuk maklumat lebih lanjut.
[5] Kontrak sedia ada yang menggunakan kadar rujukan LIBOR yang tidak dapat ditukar menjadi kadar rujukan bukan LIBOR atau dipinda untuk mengambil kira peruntukan sandaran apabila LIBOR dihentikan.
[6] Merujuk jumlah terkumpul kunci kira-kira dan jumlah nosional derivatif pada peringkat kumpulan perbankan yang disatukan.

RFR hanya diketahui pada akhir tempoh faedah. Oleh itu, terdapat ketidakpadanan antara permintaan dengan penawaran produk yang merujuk RFR tanpa struktur tempoh berpandangan ke hadapan. Bagi menangani permintaan yang tertinggal, Jawatankuasa Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate Committee, ARRC)[7] di AS berusaha mengenal pasti bakal pentadbir bagi menerbitkan Kadar Pembiayaan Semalaman Bercagar Dolar AS (Secured Overnight Financing Rate, SOFR) dengan tempoh berpandangan ke hadapan menjelang akhir tahun 2021. Kejayaan usaha ini bergantung pada keadaan mudah tunai pasaran derivatif SOFR, di mana kadar hadapan diperolehi.

Baru-baru ini, Pentadbiran Penanda Aras Antarabangsa ICE (ICE Benchmark Administrator, IBA), pentadbir global LIBOR, mengumumkan kelewatan pemberhentian penerbitan LIBOR USD untuk tempoh semalaman, 1, 3, 6, dan 12 bulan selama 18 bulan hingga 30 Jun 2023. Penerbitan semua tempoh LIBOR USD yang lain dan mata wang LIBOR yang lain akan berhenti pada 31 Disember 2021 seperti yang dirancang.

Sejajar dengan perkembangan ini, Bank sedang mengubah suai tanda penunjuk utama untuk memudahkan rundingan semula dan memberikan masa yang mencukupi agar permintaan produk tunai berasaskan SOFR dapat berkembang, kerana tempoh berpandangan ke hadapan SOFR dijangka diterbitkan sebelum akhir tahun 2021. Dua tanda penunjuk akan beralih daripada sasaran asal, iaitu suku kedua tahun 2021 ke suku keempat tahun 2021. Pertama, penghentian produk baharu yang merujuk LIBOR USD semalaman, 1, 3, 6, dan 12 bulan, dan kedua, penggabungan peruntukan sandaran dalam kontrak pinjaman yang merujuk LIBOR USD sedia ada yang akan mencapai tempoh matang selepas bulan Jun 2023 (Gambar Rajah 2.2).

Gambar Rajah 2.2: Tanda Penunjuk Peralihan LIBOR



Nota: Tanda penunjuk boleh dinilai semula jika terdapat sebarang perubahan dalam garis masa peralihan global

Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] ARRC terdiri daripada sekumpulan peserta pasaran swasta, yang dipanggil oleh Lembaga Rizab Persekutuan (Federal Reserve Board) dan Bank Rizab Persekutuan New York (New York Fed), untuk membantu memastikan kejayaan peralihan daripada LIBOR USD kepada SOFR.

Pembangunan Kadar Rujukan Alternatif dan Penambahbaikan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur

Bagi kadar penanda aras domestik, sejajar dengan usaha pembaharuan penanda aras global yang disarankan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB), Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Market Commitee, FMC) akan memantau usaha dalam mengembangkan Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate, ARR), yang mematuhi Prinsip untuk Penanda Aras Kewangan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (International Organization of Securities Commission, IOSCO). Bagi memberikan masa yang mencukupi kepada para peserta pasaran untuk bersiap sedia, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) akan terus berfungsi selari dengan ARR yang baru.

Pada separuh pertama tahun 2021, FMC akan mengadakan konsultasi awam untuk mengumpul maklum balas tentang cadangan ARR dan metodologinya. Konsultasi ini bertujuan memastikan pembangunan ARR akan mengambil kira pandangan daripada pihak berkepentingan utama, termasuk pihak penjual dan pembeli (misalnya bank dan pelanggan institusi), dan akan berfungsi sebagai kadar rujukan efektif bagi semua produk termasuk derivatif, pinjaman dan sekuriti. Apabila dimuktamadkan kelak, Bank bercadang untuk memulakan penerbitan ARR pada separuh kedua tahun 2021, yang akan membolehkan peserta pasaran mula mereka bentuk dan menetapkan harga produk kewangan berdasarkan ARR.

Di samping pelaksanaan ini, Bank juga berhasrat memperkenalkan penambahbaikan tambahan terhadap rangka kerja KLIBOR yang sedia ada, termasuk merangkumkan sandaran, bagi mempertingkatkan integriti dan kebolehpercayaannya sebagai penanda aras kewangan.

Prospek risiko kredit yang lebih lemah dan pemulihan ekonomi yang tidak menentu meningkatkan kos kredit dan menjejaskan pendapatan

Impak pandemik terhadap paras pinjaman terjejas bank sebahagian besarnya kekal terkawal pada separuh kedua tahun 2020 disebabkan oleh program bantuan bayaran balik pinjaman yang ditawarkan oleh bank-bank bagi membantu peminjam isi rumah dan perniagaan mengurus kekangan aliran tunai sementara. Susulan tamatnya moratorium pinjaman secara automatik, nisbah pinjaman terjejas kasar sistem perbankan meningkat sedikit kepada 1.6% (Jun 2020: 1.4%; purata 2019: 1.5%) (Rajah 2.8), didorong terutamanya oleh peningkatan yang sedikit dalam pinjaman terjejas isi rumah. Walau bagaimanapun, dengan ketidakpastian berhubung dengan pandemik yang sedang berterusan dan pemulihan ekonomi yang tidak sekata, prospek risiko kredit kekal mencabar. Bahagian pinjaman secara keseluruhan yang diklasifikasikan sebagai Tahap 2[8] di bawah MFRS 9 meningkat kepada sebanyak 10% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Jun 2020: 8.4%), memandangkan jangkaan peningkatan pinjaman terjejas isi rumah dan prestasi kewangan sesetengah perniagaan yang semakin terjejas. Berikutan itu, bank-bank terus menyediakan peruntukan dengan jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, peruntukan meningkat sebanyak 40.6% (Jun 2020: +9%) (Rajah 2.9). Peruntukan keseluruhan lebih tinggi yang disediakan oleh bank-bank pada separuh kedua tahun 2020 (+RM6.1 bilion hingga RM30.9 bilion pada akhir Disember 2020) mencerminkan pelarasan terhadap parameter model peruntukan bank untuk mengambil kira risiko yang berupaya menjejaskan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Di samping itu, kira-kira 40% daripada peruntukan tambahan bagi tahun 2020 adalah mengambil kira pertimbangan pengurusan (*management overlay*) bank yang menjangkakan kerugian yang jauh melebihi peruntukan model jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL). Hal ini mencerminkan cabaran berterusan yang dihadapi oleh bank-bank dalam mengambil kira maklumat berpandangan ke hadapan dalam pengukuran ECL memandangkan ketidakpastian dalam landasan pemulihan ekonomi serta gambaran yang kurang jelas tentang kemampuan bayaran balik peminjam di bawah moratorium pinjaman.

[8] Pinjaman Tahap 2 merujuk pinjaman yang menunjukkan kemerosotan risiko kredit yang memerlukan bank menyediakan peruntukan berdasarkan jangkaan kerugian kredit seumur hidup.